



SURAT EDARAN UMT BILANGAN 1 TAHUN 2024

Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

TUJUAN

1. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan mengenai pelaksanaan pemberian Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia telah mengeluarkan Surat Edaran JPA.800-3/2/4 (39) bertarikh 6 Februari 2024 mengenai Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 dan dipanjangkan untuk diguna pakai di semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
3. Kerajaan melalui belanjawan 2024, telah bersetuju supaya Bayaran Insentif Awal (BIA) Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Tahun 2024 sebanyak RM2,000.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56¹ dan ke bawah. Manakala pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred Jawatan Utama/Gred Khas dibayar sebanyak RM1,000.00.

4. Di samping itu, BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini juga turut dipanjangkan kepada pesara kerajaan dan veteran berpencen dan tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM1,000.00.
5. UMT telah bersetuju untuk melaksanakan Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 selaras dengan Keputusan Kerajaan tersebut.

PEGAWAI YANG LAYAK

6. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan pembayaran BIA Kajian SSPA Tahun 2024 di UMT adalah seperti berikut:

6.1 Bayaran layak diberikan kepada:

- (i) Pegawai UMT di Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56¹ dan ke bawah sebanyak RM2,000.00 yang masih berkhidmat pada 23 Februari 2024;
- (ii) Pegawai UMT di Gred Jawatan Utama/ Khas (termasuk yang sedang memangku/penempatan khas) sebanyak RM1,000.00 yang masih berkhidmat pada 23 Februari 2024; dan
- (iii) Pegawai UMT yang layak merupakan:
 - a) Pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS)²;
 - b) Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - c) Pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - d) Pegawai yang bercuti tanpa gaji;

¹ Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Utama/Khas.

² Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

- e) Pegawai yang dipinjamkan/ ditukar sementara termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya di mana BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar oleh agensi peminjam.
- 6.2 Bagi pesara UMT yang menerima pencen termasuk pencen terbitan di bawah undang-undang pencen, pesara pilihan dan belum menerima pencen serta pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 23 Februari 2024 akan dibayar sebanyak RM1000.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) manakala veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteren (JHEV).
- 6.3 Pesara UMT (rujuk perenggan 6.2) dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara serta COS dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024 layak dibayar sebanyak RM2,000.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM1,000.00 akan dibuat oleh JPA/JHEV dan bakinya sebanyak RM1,000.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
- 6.4 Pegawai UMT yang meninggal dunia pada 23 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024 sebanyak RM2,000.00; dan
- 6.5 BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar pada 23 Februari 2024 dan menjadi tanggungan jabatan dimana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.
7. Pembiayaan BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini turut dikecualikan cukai pendapatan selaras dengan peruntukan dibawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

8. Pembiayaan BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang berkhidmat dengan UMT sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan pada tahun 2023 dan masih berkhidmat pada 23 Februari 2024.

TARIKH PEMBAYARAN

9. BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar pada 23 Februari 2024 dan menjadi tanggungan UMT di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

TARIKH KUAT KUASA

10. Penerimaan pakai surat edaran ini adalah mengikut tarikh ianya diluluskan oleh pihak berkuasa universiti.

Disediakan oleh:

Jabatan Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu